

LANGKAWI, 28 DIS (BERNAMA) -- KEMAJUAN PESAT YANG DICAPAI OLEH LANGKAWI KINI MENINGGATKAN PERDANA MENTERI BETAPA DAIFNYA KEADAAN PULAU ITU PADA KIRA-KIRA 40 TAHUN LEPAS.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS SEIA SEKATA, SEHATI SEJIWA YANG DIANJURKAN OLEH PENDUDUK LANGKAWI SEBAGAI MENGUCAPKAN TANDA TERIMA KASIH KEPADA BELIAU KERANA MEMBAWA PEMBANGUNAN KE LANGKAWI, PERDANA MENTERI BERKATA KETIKA PERTAMA KALI MENJEJAKKAN KAKI DI LANGKAWI PADA 1950 KEADAAN PULAU ITU ADALAH SANGAT MUNDUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MENJEJAKKAN KAKI PERTAMA KALI KE PULAU ITU PADA TAHUN ITU IAITU KETIKA BELIAU MENJADI PENUNTUT PERUBATAN DI UNIVERSITI MALAYA DI SINGAPURA.

BELIAU KEMUDIAN PERNAH BERTUGAS SELAMA ENAM BULAN SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN DI HOSPITAL DAERAH LANGKAWI SELEPAS TAMAT PENGAJIAN PADA TAHUN 1956.

+PADA MASA ITU, UNTUK PERGI KE PADANG MAT SIRAT, SAYA TERPAKSA MENAIKI BASIKAL KERANA KENDERAAN BELUM BANYAK SEPERTI SEKARANG,+ KATANYA. -- LAGI  
1741MST 28 12 89

D148

U B223 BAH  
MAHATHIR - DAIF 2 LANGKAWI

BELIAU BERKATA, EKORAN PELBAGAI LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN, LANGKAWI KINI BERTAMBAH MAJU DAN PENDUDUKNYA TELAH MENINGKAT DARIPADA 16,000 ORANG PADA TAHUN 1950AN KEPADA 40,000 ORANG PADA MASA INI.

TERDAHULU DARIPADA ITU, SEMASA BERUCAP MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID BERKATA, ADA DI KALANGAN RAKYAT YANG BERNIAT UNTUK MEMBANTU PEMIMPIN TETAPI PADA MASA YANG SAMA MENYIMPAN PERASAAN CURIGA TERHADAP KEMAMPUAN PEMIMPIN.

BELIAU BERKATA, DI NEGARA-NEGARA MAJU SEPERTI JEPUN, SESUATU KEPUTUSAN PEMIMPIN DITERANGKAN KEPADA PEGAWAI BAWAHAN DAN DIFAHAMI DENGAN SEJELAS-JELASNYA OLEH PEGAWAI KERAJAAN HINGGA KE PERINGKAT BAWAH.

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA WUJUD SUASANA CURIGA MENCURIGAI ANTARA PEGAWAI KERAJAAN DENGAN PEMIMPIN, SEMUA PROGRAM PEMBANGUNAN YANG DIRANCANGKAN OLEH KERAJAAN TIDAK AKAN BERHASIL.

KATANYA, JIKA KEPUTUSAN ATAU DASAR-DASAR YANG HENDAK DILAKSANAKAN OLEH PEMIMPIN ITU TIDAK DIFAHAMI OLEH PEGAWAI, KERAJAAN DAN RAKYAT, PEMIMPIN SEPERTI MENTERI-MENTERI TERPAKSA PULA MELUANGKAN MASA BERJALAN KE SANA SINI UNTUK MENERANGKANNYA KEPADA RAKYAT SUPAYA DIFAHAMI OLEH SEMUA. -- LAGI  
1743MST 28 12 89

U B224 BAH  
MAHATHIR - DAIF 3 LANGKAWI

DATUK SERI SANUSI YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JERLUN/LANGKAWI BERKATA, APA JUA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN PENGHALANG KEPADA PERPADUAN PENDUDUK LANGKAWI.

+PETUALANG-PETUALANG YANG CUBA MENGHASUT RAKYAT DI LANGKAWI UNTUK MEMBENCI KERAJAAN DARI MASA KE SEMASA PATUT DI GANYANG,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, DUA ORANG WAKIL PENDUDUK LANGKAWI, ENCIK P.SELVAMUNI DAN ENCIK TAN HOCK ENG YANG MEWAKILI MASYARAKAT INDIA DAN CINA DI LANGKAWI, DALAM UCAPAN MEREKA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERDANA MENTERI DAN BERJANJI AKAN MEMBERIKAN SOKONGAN PADU KEPADA PERDANA MENTERI DAN KERAJAAN.

-- BERNAMA  
1744MST 28 12 89